



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM Bantu 14,085 Wanita Melalui Inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM

Johor Bahru, 18 Februari – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan Program Keusahawanan Wanita Bangkit@KPWKM yang diadakan pada hari ini. Program diadakan bertujuan untuk membina satu platform yang dapat menghubungkan kumpulan sasar wanita yang terjejas berikutan pandemik Covid-19. Inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM ini membantu golongan wanita menjana pendapatan bagi memperkukuhkan sistem sokongan terutamanya dalam bidang ekonomi, menghubungkan wanita dengan peluang pekerjaan yang ada (sektor formal) dan mendedahkan serta menghubungkan wanita kepada peluang perniagaan dan keusahawanan (sektor informal).

YB Datuk Seri Rina memaklumkan bahawa program ini yang mensasarkan 2,000 orang wanita dapat menjana pendapatan melalui peluang pekerjaan dan keusahawanan bagi tempoh 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia yang bermula 1 September 2021 sehingga 31 Disember 2021, **seramai 5,135** orang wanita berjaya dibantu di mana 4,541 orang wanita telah mendapat peluang menceburi bidang perniagaan secara kecil-kecilan/keusahawanan di dalam sektor informal, manakala 594 orang wanita ditawarkan pekerjaan dalam sektor formal.

Disamping itu program Keusahawanan Wanita Bangkit@KPWKM ini telah membimbing dan membangunkan **seramai 8,950** wanita melalui kursus-kursus keusahawanan dan bimbingan permulaan perniagaan melalui kolaborasi strategik pelbagai jabatan, agensi dan syarikat korporat. **Setakat ini program ini telah berjaya mengumpul seramai 14,085 usahawan wanita.**

“Ini merupakan usaha berterusan Kerajaan untuk memartabatkan golongan wanita dalam aspek sosio-ekonomi. Pihak NGO dan syarikat serta orang perseorangan adalah amat dialu-alukan untuk melaksanakan program-program bersesuaian untuk manfaat kumpulan sasar khususnya wanita seperti **Sambutan Hari Wanita pada 8 Mac 2022** nanti. Diharapkan dengan adanya kerjasama ini, golongan yang terjejas akibat pandemik Covid-19 khususnya wanita dapat dibantu dan secara tidak langsung dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara” ujar YB Datuk Seri Rina semasa merasmikan Kursus Keusahawanan Wanita Bangkit@KPWKM di Johor Bahru hari ini.

Beliau juga turut menyarankan wanita khususnya dan golongan lelaki menyertai Skwad Waja sebagai langkah mengurangkan pelbagai isu membelenggu wanita seperti keganasan rumahtangga, gangguan seksual, diskriminasi gender dan sebagainya. Skwad Waja merupakan inisiatif KPWKM untuk melindungi golongan yang sering menjadi mangsa keganasan terutama wanita. Ia berperanan sebagai rujukan terdekat dalam masyarakat khasnya individu yang ingin mendapatkan maklumat mengenai isu-isu berkaitan keganasan atau yang memerlukan bantuan dari segi khidmat nasihat dan perlindungan. Inisiatif ini sekaligus dapat mewujudkan komuniti yang bermaklumat, prihatin dan peka terhadap persekitaran. Semua ahli akan dibimbing melalui Modul Skwad Waja yang dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita dengan kerjasama Institusi Sosial Malaysia (ISM). **Sehingga 3 Februari 2022, seramai 123,721 orang telah mendaftar sebagai ahli Skwad Waja terdiri 12,360 orang lelaki manakala 111,361 orang wanita.**

###

Disediakan oleh	:	Unit Komunikasi Korporat Jabatan Pembangunan Wanita No. 55, Persiaran Perdana Presint 4, PUTRAJAYA
No.Telefon	:	03-8323 1884
Tarikh dikeluarkan	:	18 Februari 2022